

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD
NASIR [JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 4 DISEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 19

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan terbaru projek Sistem Rapid Transit (RTS) Johor-Singapura daripada aspek garis masa perancangan, pembinaan dan jangkaan tarikh projek ini siap.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Perjanjian Dua Hala bagi pelaksanaan Projek Rapid Transit Link (RTS Link) antara Johor Bahru dan Singapura telah ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia pada 16 Januari 2018. Selepas Kerajaan baru mengambil alih pentadbiran Kerajaan, Kerajaan telah mengkaji semula terma perjanjian termasuk skop kerja dan kos projek, serta kaedah pembiayaan yang telah diputuskan oleh Kerajaan terdahulu.
2. Hasil daripada kajian tersebut, Kerajaan berpandangan perancangan projek ini termasuk dari segi pemilihan teknologi, struktur dan kos pelaksanaan projek ini perlu dikaji dan dirunding semula agar ianya boleh memberi manfaat kepada kedua-dua buah negara dengan kos yang lebih rendah di samping dapat mencapai matlamat untuk mengurangkan kesesakan di Tambak Johor. Selain itu, perancangan penyelesaian bagi kesesakan antara Johor Bahru – Singapura secara efektif juga perlu mengambil kira perancangan sistem pengangkutan awam secara keseluruhan di negeri Johor.
3. Pada 18 Oktober 2019, Kementerian Pengangkutan Malaysia telah mendapat kelulusan daripada Kabinet untuk meneruskan projek RTS Link dengan perubahan kepada struktur, skop dan spesifikasi projek. Dalam mesyuarat itu, Kabinet bersetuju dengan perubahan spesifikasi sistem rel dan tren daripada sistem Transit Aliran Massa (Mass Rapid Transit - MRT) kepada sistem Transit Aliran Ringan (Light Rail Transit - LRT) yang akan mengurangkan kos sistem rel dari RM806 juta kepada RM633 juta, iaitu pengurangan sebanyak RM173 juta.
4. Selain itu, kawasan pembinaan depoh RTS telah dicadangkan untuk dipinda ke kawasan Bukit Chagar untuk mengelakkan kebergantungan kepada depoh Mandai di Singapura. Pembinaan depoh di Malaysia ini dijangka dapat meningkatkan peluang pekerjaan dan ekonomi masyarakat setempat secara tidak

langsung selain memastikan kos perolehan, kos operasi dan penyelenggaraan RTS yang lebih ekonomik.

5. Dengan perubahan-perubahan kepada projek RTS Link ini, penangguhan projek RTS Link akan dilanjutkan selama 6 bulan sehingga 30 April 2020 supaya Kementerian Pengangkutan dapat menjalankan kajian teknikal dengan lebih terperinci serta memperhalusi cadangan perubahan skop, spesifikasi dan struktur projek. Dalam tempoh masa ini, Kementerian Pengangkutan juga akan memuktamadkan pindaan kepada beberapa perjanjian berkaitan RTS Link yang termasuk Perjanjian Dua Hala antara Malaysia dan Singapura. Mengambil kira kompleksiti projek RTS Link yang melibatkan pelbagai pihak di dalam dan di luar negara, butiran garis masa perancangan, pembinaan dan jangkaan tarikh projek ini siap hanya akan ditentukan selepas penyelesaian rundingan dua hala antara Malaysia dan Singapura.

Sekian, terima kasih.